

## JAM tarik 62,000 pengguna tahun lalu

Oleh **Mohd Rafi Mamat** - Mac 1, 2024 @ 12:00pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Pahang, Datuk Amizar Abu Adam (tengah) dan Saiful Sadri (kanan) melawat gerai jualan Majlis Perasmian Jualan Agro Madani CDERT@APM, Beserah. NSTP/Mohd Rafi Mamat

KUANTAN: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang akan mengadakan 310 program Jualan Agro Madani (JAM) di seluruh negeri ini dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Felda, Koperasi dan Usahawan Pahang, Datuk Amizar Abu Adam, berkata tahun lalu, sebanyak 362 program JAM diadakan membabitkan lebih 6,000 usahawan dan menarik kehadiran kira-kira 62,000 pengunjung.

Beliau berkata, kini terdapat lebih 3,666 usahawan berdaftar dengan FAMA yang terbabit dengan aktiviti pasar tani, industri asas tani, ladang kontrak, peruncitan, pemasaran digital (AgroBazaar Online) dan usahawan muda.

Tahun ini, katanya, FAMA menambah peluang perniagaan kepada 583 usahawan, sebanyak 21 ruang perniagaan sedia ada dan menambah tiga lagi pasar tani serta pasar tani kekal, termasuk pusat pentadbiran FAMA daerah.

"Kita berharap masyarakat tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan barang keperluan asas terpilih yang dijual setiap kali JAM diadakan di setiap daerah di negeri ini.

"Selain menyediakan produk segar dan barang kawalan, kita menawarkan harga antara 10 hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran setempat," katanya selepas merasmikan Jualan Agro Madani CDERT@APM, Beserah, di sini kelmarin.

Hadir sama Pengarah FAMA Pahang, Saiful Sadri dan Pengarah APM Pahang, Kolonel (PA) Che Adam A Rahman.

Amizar berkata, dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini, sebanyak 70 program JAM telah diadakan.

Katanya, program julung kali diadakan bersama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) bertujuan mengetengahkan anggota beruniform itu dalam menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat setempat di luar bidang tugas utama mereka.

Tahun lalu, program sama diadakan dengan kerjasama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Kem Batu 10, di sini.